

# Kerjasama UMS-agensi Kerajaan, swasta sumbangan besar kepada industri tani

DE 30.10.16

SANDAKAN: Kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan agensi kerajaan dan swasta akan memberikan sumbangan yang besar kepada industri pertanian, kata Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

"Ia sejajar dengan usaha untuk membantu kerajaan negeri membangunkan industri berdasarkan tani," katanya ketika merasmikan Karnival Tani sempena ulang tahun ke-10 Fakulti Pertanian Lestari UMS di Batu 10 dekat sini, pada Sabtu.

Musa berkata, beberapa perjanjian dimeterai sebelum ini antara UMS dan agensi kerajaan dan swasta seperti Felda Global Venture Berhad, Jabatan Hidupan Liar Sabah dan Hafiz Farm Sdn Bhd mampu memberi manfaat terhadap industri pertanian di negeri ini.

Musa berkata di UMS terdapat institut dan pusat yang memainkan peranan utama khususnya penyelidikan dalam bidang pertanian.

"Misalnya Pusat Penyelidikan Kelapa Sawit (SPOR) yang beroperasi di UMS Sandakan amat sesuai dengan aktiviti utama pertanian di daerah ini iaitu penanaman kelapa sawit.

Sudah tentu hasil penemuan terkini seperti penemuan baka baharu dan cara mengatasi masalah serangan kumbang badak umpamanya akan dapat membantu petani di negeri ini," katanya.

Musa berkata usaha lebih giat antara UMS dan agensi-agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah amat penting, termasuk dalam konteks keselamatan makanan untuk memenuhi keperluan permintaan makanan negara yang semakin meningkat.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa berusaha mencari teknik dan inovasi terbaharu untuk meningkatkan produktiviti bidang pertanian, perternakan dan makanan.

Terbaru, katanya, pengkaji UMS berjaya menghasilkan penemuan nanas kultur tisu dan pambiakbakaan ketam bakau.

Katanya kajian akan terus dilakukan penyelidik UMS bertujuan untuk menghasilkan benih ternakan dan tanaman yang lebih berkualiti.

"Ini akan memberikan manfaat kepada petani dan nelayan di negeri ini seterusnya membantu meningkatkan sumber makanan," katanya ketika berucap pada majlis itu.

Harun berkata terbaharu UMS menerusi anak syarikatnya, UMS Investment Holding Sdn Bhd atau UiNVEST berjaya mengeluarkan produk Bawang Hitam dan Kulat Hitam dengan kerjasama Heilongjiang Academy of Science, China.

Katanya UMS merupakan universiti pertama mendapat pengiktirafan Sijil Halal Malaysia daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi kedua-dua produk berkenaan.

Mengenai Fakulti Pertanian Lestari Kamus Sandakan, Mohd Harun berkata sepanjang tempoh 10 tahun diwujudkan, fakulti itu berjaya melahirkan 379 graduan sarjana muda dalam bidang tanaman, hortikultur dan landskap dan dalam bidang ternakan.

Katanya mahasiswa universiti berkenaan berjaya memasuki pasaran pekerjaan sama ada sebagai pekerja ataupun usahawan. - Bernama